

Mengatasi 80 peratus ditetapkan Kementerian Pengajian Tinggi

95% penuntut UMP dapat kerja

MINQUAN MALAYSIA (DILAM NEGERI) 12 FEB 2017 M/S 21

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA

pengarang@utusan.com.my

■ KUANTAN 11 FEB.

USAHA berterusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam melahirkan siswazah holistik dan memenuhi keperluan industri menyaksikan peningkatan kadar kebolehpasaran siswazahnya kepada 95 peratus tahun ini berbanding sasarannya 80 peratus pencapaian yang ditetapkan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim (**gambar**) berkata, untuk menjadi pemain global yang kompetitif, UMP sentiasa komited mencipta inovasi dan keunikan dalam penawaran program akademik melalui jalinan strategik di peringkat antarabangsa.

Katanya, program kejuruteeraan sentiasa ditambah nilai melalui proses penanda aras secara berterusan menggunakan model bertaraf dunia seperti program kerjasama dengan dua universiti di Jerman iaitu Karlsruhe University of Applied Science dan Reutlingen University.

"Pencapaian dalam kebolehpasaran ini pastinya begitu bermakna apabila UMP bakal menyambut ulang tahun ke-15 pada 16 Februari ini.

"Pengantarabangsaan UMP dalam membina jaringan kerjasama akademik yang kukuh dengan negara Jerman mampu melahirkan siswazah berdaya saing dan glokal. Dengan mempunyai latar belakang pendidikan Jerman, siswazah berpeluang ditawarkan pekerjaan di syarikat yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Jerman," katanya di sini hari ini.

Daing Nasir berkata, pengurusan Program Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) atau Program



UNIVERSITI Malaysia Pahang melahirkan graduan yang berkerampilan dan kompeten memenuhi kehendak pasaran.



Fakulti memperhebatkan pernyertaan sektor industri sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan tinggi negara melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran tokoh-tokoh industri.

Selain itu, katanya, sebagai merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi, UMP memperkenalkan sistem Purata Penilaian Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) bagi menilai kebolehan siswazah bukan sahaja dari segi akademik malah membaikkan keusahawanan, pengurusan, kemahiran sosial dan komunikasi.

"Pelaksanaan Sistem Profil Pelajar di universiti juga mampu memenuhi kehendak industri moden masa kini yang memerlukan

Pengantarabangsaan UMP dalam membina jaringan kerjasama akademik yang kukuh dengan negara Jerman mampu melahirkan siswazah berdaya saing dan glokal."

DR. DAING NASIR IBRAHIM
Naib Canselor UMP

kan siswazah bukan hanya bijak akademik tetapi berketerampilan dalam kemahiran insaniah dan kemahiran interpersonal.

"Pusat Kecemerlangan Industri (I-COE) juga dilihat sebagai kaedah yang menghubungkan pengajian dan pekerjaan yang mana industri bekerjasama dengan penyedia pendidikan agar

penuntut diterapkan kemahiran yang diperlukan dalam pekerjaan," katanya.

Dalam pada itu, katanya, UMP memperkenalkan program MyGift sebagai saluran sumbangan endowmen universiti bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada penuntut dan membudayakan semangat membantu golongan memerlukan.

"Prijatin dengan nasib bakal penuntut dari keluarga yang kurang berkemampuan, UMP menawarkan biasiswa program diploma dan ijazah bagi sesi akademik 2017/2018 tahun ini.

"Sebuah kolej kediaman Mawaddah juga bakal dibina bagi menempatkan seramai 220 penuntut dari keluarga asnaf dan anak yatim di UMP Pekan hasil kerjasama UMP dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip)," katanya.